

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR
MAJLIS PERASMIAN KELAB AMAL WANITA SRI SRUTI (KAWAN)
27 OGOS 1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kelab Wanita Sri Sruti kerana menjemput saya untuk merasmikan kelab ini hari ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum kaum wanita turut terlibat dalam pembangunan negara, baik daripada segi ekonomi, politik ataupun sosial. Kita boleh berbangga bahawa kaum wanita kini merupakan 47.8 peratus daripada tenaga pekerja negara ini. Ini jelas mencerminkan sumbangan kaum wanita dalam proses pembangunan negara.

3. Walau bagaimanapun, cabaran yang kita hadapi sekarang ialah bagaimana kita dapat menentukan kaum wanita turut mempunyai peluang untuk memperbaiki diri di samping melengkapkan diri mereka supaya dapat memenuhi tanggungjawab sepenuhnya sebagai isteri, ibu dan warganegara.

4. Di samping itu kita juga harus ingat bahawa kita merupakan satu masyarakat yang terbenam dalam tradisi, adapt resam dan kebudayaan, di mana norma-norma hidup dan agama sentiasa diberi keutamaan. Kita tidak dapat menafikan bahawa tradisi mempunyai pengaruh yang kadangkala merupakan penghalang kepada kaum wanita untuk maju. Ini secara tidak langsung meletakkan kaum wanita di tempat yang kurang penting, yakni di rumah dan hal-hal rumahtangga.

5. Selain daripada itu, kita tidak dapat menafikan bahawa majoriti kaum wanita di negara ini adalah daripada peringkat rendah daripada segi sosio-ekonomi. Mereka kurang berpengetahuan mengenai pembangunan ekonomi dan iklim politik negara ini, terutamanya di kalangan wanita India. Di samping itu, mereka mempunyai masalah seperti keluarga yang besar, kesihatan, kemiskinan, serta lain-lain masalah sosial seperti alkoholisma, penderaan kanak-kanak, keganasan rumahtangga dan sebagainya. Dengan itu mereka tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dalam pembangunan negara ataupun hal-hal bagi memajukan diri mereka sendiri. Saya pasti jika kita tidak membantu golongan ini, maka tenaga pekerja yang begitu besar akan sia-sia sahaja. Ini akan merugikan kita semua dan juga masa depan.

6. Saya dimaklumkan bahawa Kelab ini akan dijadikan pusat nasihat yang akan memberi sokongan, bantuan dan bimbingan kepada kaum wanita yang memerlukannya.

7. Dalam usaha kita menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020, kita memerlukan wanita-wanita yang aktif daripada segi ekonomi dan sosial. Jika seseorang itu menceburi diri dalam pekerjaan maka ini akan meluaskan lagi pandangannya di samping membawa kesedaran mengenai perkembangan semasa dan isu-isu yang melibatkan kemajuan wanita. Pengetahuan seperti ini akan memberi keyakinan kepada diri kita sendiri.

8. Kaum wanita mempunyai peranan yang penting dalam membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020. Di samping mengiktirafkan sumbangan wanita terhadap pembangunan negara, Kerajaan juga menekankan perlunya pihak-pihak terlibat mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi wanita supaya sumbangan mereka kepada keluarga dan negara lebih berkesan.
9. Saya pasti Kelab ini di bawah pimpinan Datin Seri Indrani akan berusaha memelihara kepentingan wanita-wanita kaum India yang kurang bernasib baik serta mereka yang memerlukan bantuan. Usaha-usaha Kelab ini untuk mempertingkatkan status wanita, khususnya wanita India, patut diberi kerjasama oleh lain-lain pihak yang berupaya membantu mereka.
10. Ini selaras dengan matlamat Dasar Wanita Negara, iaitu mengintegrasikan kaum wanita dalam semua sektor pembangunan selaras dengan kemampuan dan kehendak kaum wanita bagi mempertingkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf supaya negara aman, makmur dan sentosa.
11. Saya berharap peranan pertubuhan badan-badan sukarelatidaklah hanya terbatas kepada aktiviti-aktiviti sosial dan pembangunan masyarakat sahaja. Adalah penting wanita di semua peringkat lapisan terlibat secara aktif dalam program-program yang bertujuan meningkatkan lagi status kaum wanita. Ini diharap akan menggalakkan lagi lain-lain pihak untuk memperkenalkan skim-skim yang mampu memperbaiki taraf kaum wanita. Semoga Kelab Amal Wanita Sri Sruti berjaya dalam usahanya.
12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kelab Amal Wanita Sri Sruti.